LINGKARAN TRANS KOTA HOLDINGS BERHAD

LAPORAN TAHUNAN **2004** ANNUAL REPORT

# 2004

ANNUAL REPORT LAPORAN TAHUNAN











LITRAK

**LINGKARAN TRANS KOTA HOLDINGS BERHAD**

(335382-V)

The Penchala Link, a catalyst for development in the western part of Kuala Lumpur, consists of 3 interchanges, namely Penchala Interchange, Taman Tun Dr Ismail Interchange and Mont Kiara Interchange. It connects LDP at Kg. Sungai Penchala to Kerinchi Link, Sprint Highway via Mont Kiara Interchange.

Featured on this year's annual report cover is the most unique feature of the Penchala Link, which is its 710m state-of-the-art twin-bored tunnel. This new alignment significantly reduces travelling time from west Kuala Lumpur to central Kuala Lumpur. It is the widest tunnel in Malaysia with 3 lanes on each bound and set to become another landmark of Kuala Lumpur.

The tunnel incorporates a tunnel control building and comes with many safety features which includes Close Circuit Televisions, Automatic Incident Detectors, Variable Message Signs, 3 cross passages for emergency escape, intelligent lighting system, air quality detectors, infra-heat detectors, fire protection system, fire fighting system, emergency telephone system and ventilation fans.

Hubungan Penchala sebagai pemangkin pembangunan di bahagian barat Kuala Lumpur terdiri daripada 3 persimpangan bertingkat, iaitu Persimpangan Bertingkat Penchala, Persimpangan Bertingkat Taman Tun Dr Ismail dan Persimpangan Bertingkat Mont Kiara. Ia menyambungkan LDP di Kg. Sungai Penchala ke Hubungan Kerinchi, Lebuh Raya Sprint melalui Persimpangan Bertingkat Mont Kiara.

Muka hadapan laporan tahunan ini memaparkan ciri terunik Hubungan Penchala iaitu terowong gerudi berkembar sepanjang 710m yang canggih. Jajaran baru ini menjimatkan masa perjalanan dari Kuala Lumpur barat ke pusat bandaraya Kuala Lumpur. Ianya juga merupakan terowong paling lebar di Malaysia dengan 3 lorong di setiap hala dan menjadi satu lagi mercutanda penting di Kuala Lumpur.

Terowong ini disediakan dengan sebuah bangunan kawalan terowong yang dilengkapi pelbagai ciri keselamatan, antaranya kamera televisyen litar tutup, pengesan insiden automatik, papan tanda mesej boleh-ubah, 3 laluan melintang untuk pintu kecemasan, sistem pencahayaan pintar, pengesan kualiti udara, pengesan haba infra, sistem rintangan api, sistem pemadam kebakaran, sistem telefon kecemasan dan kipas ventilasi udara.



# Contents


| | |
|---|---|
| **Corporate Information**<br>Maklumat Korporat | 02 |
| **Board of Directors' Profile**<br>Profil Lembaga Pengarah | 03 |
| **Management Team**<br>Kumpulan Pengurusan | 11 |
| **Financial Highlights**<br>Maklumat Penting Kewangan | 12 |
| **Chairman's Statement**<br>Penyata Pengerusi | 14 |
| **Corporate Governance Statement**<br>Penyata Tadbir Urus Korporat | 25 |
| **Statement on Internal Control**<br>Penyata Kawalan Dalaman | 32 |
| **Audit Committee Report**<br>Laporan Jawatankuasa Audit | 34 |
| **Additional Compliance Information**<br>Maklumat Pematuhan Tambahan | 36 |
| **Financial Statements**<br>Penyata Kewangan | 37<br>79 |
| **Analysis of Shareholdings**<br>Analisis Pemegangan Saham | 122 |
| **Notice of Annual General Meeting**<br>Notis Mesyuarat Agung Tahunan | 124<br>126 |
| **Statement Accompanying Notice of Annual General Meeting**<br>Penyata Disertakan Bersama Notis Mesyuarat Agung Tahunan | 128 |
| **Proxy Form**<br>Borang Proksi | |

# Corporate Information
## Maklumat Korporat

### Board of Directors
### Lembaga Pengarah

**Chairman / Pengerusi**
**Tan Sri Dato' Ir (Dr) Wan Abdul Rahman bin Haji Wan Yaacob**

**Ir Haji Yusoff bin Daud**

**Dato' Lin Yun Ling**

**Tan Sri Dato' Nasruddin bin Bahari**

**Dato' Ir Chew Swee Hock**

**Dato' Ir Haji Azmi bin Mat Nor**

**Mr Luc Jean Gilles Villette**

**Mr Ng Kee Leen**

**Mr Saw Wah Theng**

**Mr Lean Chee Yeow** (Alternate Director to / Pengarah Pengganti kepada Mr Luc Jean Gilles Villette)

### Audit Committee
### Jawatankuasa Audit

Tan Sri Dato' Nasruddin bin Bahari
*(Chairman / Pengerusi)*
Dato' Ir Chew Swee Hock
Mr Saw Wah Theng

### Remuneration Committee
### Jawatankuasa Imbuhan

Tan Sri Dato' Ir (Dr) Wan Abdul Rahman bin Haji Wan Yaacob
*(Chairman / Pengerusi)*
Dato' Lin Yun Ling
Mr Luc Jean Gilles Villette

### Nomination Committee
### Jawatankuasa Pencalonan

Tan Sri Dato' Ir (Dr) Wan Abdul Rahman bin Haji Wan Yaacob
*(Chairman / Pengerusi)*
Tan Sri Dato' Nasruddin bin Bahari
Dato' Lin Yun Ling

### Chief Operating Officer
### Ketua Pegawai Operasi

Mr Richard Lim Kim Ong

### General Manager, Operations
### Pengurus Besar, Operasi

En Sazally bin Saidi

### Secretaries
### Setiausaha-setiausaha Syarikat

Ms Lim Soo Lye
Ms Chiew Teng Juan

### Registered Office
### Pejabat Berdaftar

2nd Floor, Kompleks Operasi Litrak
KM 19 Lebuh Raya
Damansara - Puchong
Bandar Sunway PJS 9
47500 Petaling Jaya
Selangor Darul Ehsan
Malaysia
Tel: 603-7494 7000
Fax: 603-7494 7022

### Auditors
### Juruaudit

Ernst & Young
*Chartered Accountants*
*Akauntan Berkanun*

### Share Registrar
### Pendaftar Saham

Insurban Corporate Services Sdn Bhd
149 Jalan Aminuddin Baki
Taman Tun Dr Ismail
60000 Kuala Lumpur
Tel: 603-7729 5529
Fax: 603-7728 5948

### Bankers
### Bank-bank

Malayan Banking Berhad
United Overseas Bank (Malaysia) Berhad

### Stock Exchange Listing
### Penyenaraian Bursa Saham

Main Board / Papan Utama
Bursa Malaysia Securities Berhad

### Legal Form and Domisile
### Bentuk Pengusahaan Mengikut Undang-undang dan Mastautin

Public company limited by shares Incorporated and domiciled in Malaysia
Syarikat awam terhad oleh saham Diperbadankan dan bermastautin di Malaysia



**Tan Sri Dato' Ir (Dr) Wan Abdul Rahman bin Haji Wan Yaacob**

63, Malaysian/Warganegara Malaysia
Independent Non-Executive Chairman
Pengerusi Bukan Eksekutif Bebas

Tan Sri Dato' Ir (Dr) Wan Abdul Rahman bin Haji Wan Yaacob holds a Diploma in Civil & Structural Engineering from Brighton College of Technology, United Kingdom. He is a Fellow of The Institute of Civil Engineers, The Institution of Highway and Transportation, The Chartered Institute of Buildings (United Kingdom), The Institute of Engineering Malaysia and Academy Sciences of Malaysia.

He has had a distinguished career with the Government of Malaysia primarily in the field of civil engineering. He had served in the Public Works Department since 1964 and became its Director-General from 1990 until his retirement in 1996.

In recognition of his contributions to the engineering industry, he was conferred an Honorary Doctorate in Engineering by the University of Birmingham, United Kingdom in 1993. He received The Institution of Engineers, Malaysia (IEM) Award in 1994 for his contributions and role in the nation's infrastructural development.

Tan Sri Dato' Ir (Dr) Wan Abdul Rahman bin Haji Wan Yaacob was appointed to the Board of Directors on 1 August 1996. He also serves as Chairman of the Nomination and Remuneration Committees of the Company. He attended all of the four Board of Directors Meetings held during the financial year ended 31 March 2004.

He does not have any family relationship with any director and/or major shareholder of the Company and has no conflict of interest with the Company. He maintains a clean record with regard to offences and convictions.

His directorships in other public companies are in IJM Corporation Berhad, Lysaght Galvanized Steel Berhad, Malaysian Industrial Development Finance Berhad, Malaysia Mining Corporation Berhad, Saujana Consolidated Berhad, Sime UEP Properties Berhad and NCB Holdings Berhad.

Tan Sri Dato' Ir (Dr) Wan Abdul Rahman bin Haji Wan Yaacob berkelulusan Diploma Kejuruteraan Awam & Struktur dari Brighton College of Technology, United Kingdom. Beliau adalah Fellow kepada Institut Jurutera-jurutera Awam, Institusi Lebuh Raya dan Pengangkutan, Institut Bangunan Berkanun (United Kingdom), Institut Kejuruteraan Malaysia dan Akademi Sains Malaysia.

Beliau mempunyai latar belakang kerjaya yang cemerlang dengan Kerajaan Malaysia khususnya dalam bidang kejuruteraan awam. Beliau telah berkhidmat dengan Jabatan Kerja Raya sejak tahun 1964 dan menjadi Ketua Pengarahnya dari tahun 1990 hingga beliau bersara pada tahun 1996.

Sebagai pengiktirafan sumbangan beliau terhadap industri kejuruteraan, beliau telah dianugerahkan Doktor Kehormat dalam Kejuruteraan oleh University of Birmingham, United Kingdom pada tahun 1993. Beliau menerima Anugerah Institusi Kejuruteraan, Malaysia (IEM) pada tahun 1994 di atas sumbangan dan peranan beliau dalam pembangunan infrastruktur negara.

Tan Sri Dato' Ir (Dr) Wan Abdul Rahman bin Haji Wan Yaacob telah dilantik ke Lembaga Pengarah pada 1 Ogos 1996. Beliau juga merupakan Pengerusi Jawatankuasa Pencalonan dan Imbuhan Syarikat. Beliau telah menghadiri keempat-empat Mesyuarat Lembaga Pengarah yang diadakan dalam tahun kewangan berakhir 31 Mac 2004.

Beliau tidak mempunyai sebarang hubungan kekeluargaan dengan mana-mana pengarah dan/atau pemegang saham utama Syarikat dan tidak mempunyai konflik kepentingan dengan Syarikat. Beliau mempunyai rekod yang bersih berhubung kesalahan dan pensabitan.

Jawatan pengarah lain yang beliau sandang dalam syarikat-syarikat awam yang lain adalah IJM Corporation Berhad, Lysaght Galvanized Steel Berhad, Malaysian Industrial Development Finance Berhad, Malaysia Mining Corporation Berhad, Saujana Consolidated Berhad, Sime UEP Properties Berhad dan NCB Holdings Berhad.



**Ir Haji Yusoff bin Daud**

59, Malaysian/Warganegara Malaysia
Non-Independent Executive Director
Pengarah Eksekutif Bukan Bebas

Ir Haji Yusoff bin Daud graduated from the University of Brighton with a Bachelor of Science (Honours) Degree in Electrical Engineering in 1968. He joined National Electricity Board (LLN), Kota Bharu immediately after his graduation and in 1970 he was posted to Kedah as Assistant Engineer Consumers. In 1974 he was promoted to District Engineer where he was responsible for the planning and implementation of electricity supply for Northern Kedah and the State of Perlis. In 1977 he became the Senior District Manager, Kuala Terengganu where he was responsible for the overall management and operations of electricity supply in the State of Terengganu. From 1979 to 1980, he was attached to Petronas in the Special Projects Department as its Deputy Head responsible for the planning of the Peninsular Gas Utilization Project.

In 1981, he was appointed a Director of Zaidun-Leeng Sdn Bhd and was subsequently made the Managing Director in 1994, a position which he continues to hold until today. He has over 32 years of management and professional experience in the consulting engineering industry. Zaidun-Leeng Sdn Bhd specializes in the planning and design of infrastructure projects including mechanical, electrical and structural engineering services for buildings.

Ir Haji Yusoff bin Daud was appointed to the Board of Directors on 14 September 1995. He attended all of the four Board of Directors' Meetings held during the financial year ended 31 March 2004.

He has no conflict of interest with the Company. He maintains a clean record with regard to offences and convictions.

He is the Honorary Executive Chairman of Toyo Ink Group Berhad.

Ir Haji Yusoff bin Daud memperolehi Ijazah Sarjana Muda Sains (Kepujian) dalam Kejuruteraan Elektrik dari University of Brighton dalam tahun 1968. Beliau menyertai Lembaga Letrik Negara (LLN), Kota Bharu selepas menamatkan pengajian beliau dan kemudiannya dihantarkan ke Kedah dalam tahun 1970 sebagai Timbalan Jurutera Pengguna. Pada tahun 1974, beliau dinaikkan pangkat sebagai Jurutera Daerah dengan tanggungjawab merancang dan melaksanakan bekalan elektrik untuk Kedah Utara dan Negeri Perlis. Pada tahun 1977, beliau dilantik sebagai Pengurus Kanan Daerah, Kuala Terengganu, yang bertanggungjawab keseluruhannya terhadap pengurusan dan operasi bekalan elektrik di negeri Terengganu. Dari tahun 1979 hingga 1980, beliau ditempatkan di Petronas di dalam Jabatan Projek-Projek Khas sebagai Timbalan Ketua yang bertanggungjawab terhadap perancangan bagi Projek Penggunaan Gas Semenanjung.

Pada tahun 1981, beliau dilantik sebagai pengarah Zaidun-Leeng Sdn Bhd dan pada tahun 1994, beliau dilantik sebagai Pengarah Urusan, jawatan yang beliau pegang hingga ke hari ini. Beliau mempunyai lebih daripada 32 tahun pengalaman dalam bidang pengurusan dan industri perundingan kejuruteraan. Zaidun-Leeng Sdn Bhd mengkhusus dalam perancangan dan reka bentuk projek-projek infrastruktur termasuklah perkhidmatan kejuruteraan mekanik, elektrik dan struktur untuk bangunan-bangunan.

Ir Haji Yusoff bin Daud telah dilantik ke Lembaga Pengarah Syarikat pada 14 September 1995. Beliau telah menghadiri keempat-empat Mesyuarat Lembaga Pengarah yang diadakan dalam tahun kewangan berakhir pada 31 Mac 2004.

Beliau tidak mempunyai kepentingan yang bercanggah dengan kepentingan Syarikat. Beliau mempunyai rekod yang bersih berhubung kesalahan dan pensabitan.

Beliau merupakan Pengerusi Eksekutif Kehormat di Toyo Ink Group Berhad.



**Dato' Lin Yun Ling**

49, Malaysian/Warganegara Malaysia
Non-Independent Non-Executive Director
Pengarah Bukan Eksekutif Bukan Bebas

Dato' Lin Yun Ling graduated from King's College, University of London, United Kingdom with a Bachelor of Science (Honours) Degree in Civil Engineering in 1977. He

is a civil engineer with more than 26 years of working experience in civil engineering and construction.

He was appointed to the Board of Directors of Gamuda Berhad in 1981 as Managing Director. Under his leadership over the years, Gamuda Berhad is now a diversified group with major activities in construction and infrastructure concessions both locally and abroad and in property development.

Dato' Lin Yun Ling was appointed a Director of the Company on 14 September 1995. He also serves as a member of the Nomination and Remuneration Committees of the Company. Of the four Board of Directors' Meetings held during the financial year ended 31 March 2004, he attended all except two for which he had extended his apologies.

He is a director and a substantial shareholder of Gamuda Berhad, a major shareholder of the Company. Save for the related party transaction disclosed in the Additional Compliance Information on page 36, he has no conflict of interest with the Company. He maintains a clean record with regard to offences and convictions.

In addition to Gamuda Berhad, his directorships in other public companies is in Syarikat Pengeluar Air Selangor Holdings Berhad.

Dato' Lin Yun Ling mendapat Ijazah Sarjana Muda Sains (Kepujian) Kejuruteraan Awam dari King's College, University of London, United Kingdom dalam tahun 1977. Beliau adalah seorang jurutera awam yang mempunyai pengalaman bekerja lebih 26 tahun dalam bidang kejuruteraan awam dan pembinaan.

Beliau dilantik ke Lembaga Pengarah Gamuda Berhad pada tahun 1981 sebagai Pengarah Urusan. Di bawah kepimpinan beliau sejak beberapa tahun lalu, Gamuda Berhad kini menjadi sebuah kumpulan syarikat pelbagai dengan activiti utama dalam pembinaan dan konsesi infrastruktur di dalam dan di luar negara dan dalam pembangunan hartanah.

Dato' Lin Yun Ling telah dilantik ke Lembaga Pengarah Syarikat pada 14 September 1995. Beliau juga merupakan ahli Jawatankuasa Pencalonan dan Jawatankuasa Imbuhan Syarikat. Daripada empat Mesyuarat Lembaga Pengarah yang diadakan dalam tahun kewangan berakhir pada 31 Mac 2004, beliau telah menghadiri kesemuanya kecuali dua yang mana beliau telah memohon maaf di atas ketidakhadiran beliau.

Beliau adalah seorang pengarah dan pemegang saham penting Gamuda Berhad yang juga merupakan pemegang saham utama Syarikat. Selain daripada transaksi dengan pihak berkaitan yang dinyatakan di dalam Maklumat Pematuhan Tambahan di muka surat 36, beliau tidak mempunyai kepentingan yang bercanggah dengan kepentingan Syarikat. Beliau mempunyai rekod yang bersih berhubung kesalahan dan pensabitan.

Selain daripada Gamuda Berhad, jawatan pengarah lain yang beliau sandang dalam syarikat awam yang lain adalah Syarikat Pengeluar Air Selangor Holdings Berhad.



**Tan Sri Dato' Nasruddin bin Bahari**
67, Malaysian/Warganegara Malaysia
Independent Non-Executive Director
Pengarah Bukan Eksekutif Bebas

Tan Sri Dato' Nasruddin bin Bahari graduated from the University of Malaya with a Bachelor of Arts (Honours) Degree in 1960. He also obtained a Master in Public Administration from the University of Pittsburgh, United States of America.

He had for the period between 1961 to 1992 served in the Administrative and Diplomatic Service in various capacities including Deputy Director-General in the Prime Minister's Department, Director-General of Lands and Mines, Secretary-General in the Ministry of Land and Regional Development and Secretary-General in the Ministry of Defence (1988-1992).

From 1974 to 1977, he was seconded to the United Nations Administration and served as Deputy Director of the Asian Centre for Development Administration (ACDA). Thereafter, he was elected as Vice President of the Association of Research and Development Institutes for Asia and Pacific in 1975 for a period of two years at its meeting in Canberra.

In 1976, he was elected a member of Inter-Regional Executive Committee of Research and Development Institutes for Asia, Africa, Europe and Latin America at its meeting in London and remained a member until 1978. He also served as Advisor to the Planning Committee of the United Nations University in Tokyo.

In the course of his duties, Tan Sri Dato' Nasruddin bin Bahari served in various companies and development corporations both at Federal and State levels including being the Deputy Chairman of Armed Forces Fund Board (LTAT), Chairman of Sawira Sdn Bhd, Syarikat Malaysia Explosive Sdn Bhd, Naval Dockyard Sdn Bhd, AIROD Sdn Bhd and Airospace Industries of Malaysia Sdn Bhd.

Tan Sri Dato' Nasruddin bin Bahari was appointed to the Board of Directors on 1 August 1996. He is also the Chairman of the Audit Committee and a member of the Nomination Committee of the Company. He attended all of the four Board of Directors' Meetings held during the financial year ended 31 March 2004.

He does not have any family relationship with any director and/or major shareholder of the Company and has no conflict of interest with the Company. He maintains a clean record with regard to offences and convictions.

His directorships in other public companies are in OCBC Bank (Malaysia) Berhad, OCBC Credit Berhad, Road Builders Holdings Berhad and The Pacific Insurance Berhad.

Tan Sri Dato' Nasruddin bin Bahari berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Sastera (Kepujian) dari Universiti Malaya dalam tahun 1960. Beliau juga memperolehi Ijazah Sarjana Pentadbiran Awam dari University of Pittsburgh, Amerika Syarikat.

Dari tahun 1961 hingga tahun 1992, beliau berkhidmat dalam Perkhidmatan Pentadbiran dan Diplomatik dengan memegang pelbagai jawatan termasuk sebagai Timbalan Ketua Pengarah di Jabatan Perdana Menteri, Ketua Pengarah Tanah dan Perlombangan, Setiausaha Agung Kementerian Tanah dan Pembangunan Wilayah dan Setiausaha Agung Kementerian Pertahanan (1988-1992).

Dari tahun 1974 hingga 1977, beliau telah dihantarkan ke Pentadbiran Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu dan berkhidmat sebagai Timbalan Pengarah Pusat Asia bagi Pentadbiran Pembangunan (ACDA). Beliau kemudiannya dilantik sebagai Naib Presiden Persatuan Institut-Institut Penyelidikan dan Pembangunan bagi Asia dan Pasifik pada mesyuarat mereka yang berada di Canberra pada tahun 1975 selama dua tahun.

Pada tahun 1976, beliau dipilih sebagai ahli Jawatankuasa Eksekutif Antara Wilayah Institut-Institut Penyelidikan dan Pembangunan bagi Asia, Afrika, Eropah dan Amerika Latin dalam mesyuarat mereka yang berada di London dan menjadi ahlinya sehingga 1978. Beliau juga merupakan Penasihat kepada Jawatankuasa Perancang United Nations University di Tokyo.

Sepanjang perkhidmatannya, Tan Sri Dato' Nasruddin bin Bahari telah berkhidmat dengan pelbagai syarikat dan perbadanan pembangunan di peringkat Persekutuan dan Negeri, termasuk sebagai Timbalan Pengerusi Lembaga Tabung Angkatan Tentera (LTAT) serta Pengerusi Sawira Sdn Bhd, Syarikat Malaysia Explosive Sdn Bhd, Naval Dockyard Sdn Bhd, AIROD Sdn Bhd dan Airospace Industries of Malaysia Sdn Bhd.

Tan Sri Dato' Nasruddin bin Bahari telah dilantik ke Lembaga Pengarah Syarikat pada 1 Ogos 1996. Beliau juga merupakan Pengerusi Jawatankuasa Audit Syarikat dan ahli Jawatankuasa Pencalonan Syarikat. Beliau telah menghadiri keempat-empat Mesyuarat Lembaga Pengarah yang diadakan dalam tahun kewangan berakhir pada 31 Mac 2004.

Beliau tidak mempunyai hubungan kekeluargaan dengan mana-mana pengarah dan/atau pemegang saham utama Syarikat dan tidak mempunyai kepentingan yang bercanggah dengan kepentingan Syarikat. Beliau mempunyai rekod yang bersih berhubung kesalahan dan pensabitan.

Jawatan pengarah lain yang beliau sandang dalam syarikat-syarikat awam yang lain adalah OCBC Bank (Malaysia) Berhad, OCBC Credit Berhad, Road Builders Holdings Berhad dan The Pacific Insurance Berhad.



**Dato' Ir Chew Swee Hock**

61, Malaysian/Warganegara Malaysia
Independent Non-Executive Director
Pengarah Bukan Eksekutif Bebas

Dato' Ir Chew Swee Hock graduated from University of Malaya with a Bachelor of Engineering (Honours) Degree in 1966. He is a Professional Engineer registered with the Board of Engineers, Malaysia; a Fellow of the Institution of Engineers, Malaysia; member of the Road Engineering Association, Malaysia; member of the Institution of Highway and Transportation, United Kingdom; and member of the Road Engineering Association of Asia and Australasia. He had worked as an Engineer in the Public

Works Department, Malaysia since graduation and the last post held was as the Director-General of the Malaysian Highway Authority. In 1995 he optionally retired from public service to work as a freelance consultant.

Dato' Ir Chew Swee Hock was appointed to the Board of Directors on 1 August 1996. He also serves as a member of the Audit Committee of the Company. Of the four Board of Directors' Meetings held during the financial year ended 31 March 2004, he attended all except one for which he had extended his apologies.

He does not have any family relationship with any director and/or major shareholder of the Company and has no conflict of interest with the Company. He maintains a clean record with regard to offences and convictions.

He is also a director of Lysaght Galvanized Steel Berhad.

Dato' Ir Chew Swee Hock memperolehi Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan (Kepujian) dari Universiti Malaya pada tahun 1966. Beliau merupakan seorang Jurutera Profesional yang berdaftar dengan Lembaga Jurutera Malaysia; ahli Fellow Institusi Jurutera Malaysia; ahli Persatuan Kejuruteraan Jalan Raya Malaysia; ahli Institusi Lebuhraya dan Pengangkutan, United Kingdom; dan ahli Persatuan Kejuruteraan Jalan Raya Asia dan Australasia. Selepas menamatkan pengajian, beliau bekerja sebagai Jurutera di Jabatan Kerja Raya, Malaysia. Jawatan terakhir disandang beliau semasa berkhidmat dengan kerajaan ialah sebagai Ketua Pengarah Lembaga Lebuhraya Malaysia. Pada tahun 1995, beliau memilih untuk bersara lebih awal untuk bekerja sebagai perunding bebas.

Dato' Ir Chew Swee Hock telah dilantik ke Lembaga Pengarah Syarikat pada 1 Ogos 1996. Beliau juga adalah ahli Jawatankuasa Audit Syarikat. Daripada empat Mesyuarat Lembaga Pengarah yang diadakan dalam tahun kewangan berakhir pada 31 Mac 2004, beliau telah menghadiri kesemuanya kecuali satu yang mana beliau telah memohon maaf di atas ketidakhadiran beliau.

Beliau tidak mempunyai hubungan kekeluargaan dengan mana-mana pengarah dan/atau pemegang saham utama Syarikat serta tidak mempunyai kepentingan yang bercanggah dengan kepentingan Syarikat. Beliau mempunyai rekod yang bersih berhubung kesalahan dan pensabitan.

Beliau juga merupakan pengarah Lysaght Galvanized Steel Berhad.



**Dato' Ir Haji Azmi bin Mat Nor**

46, Malaysian/Warganegara Malaysia
Non-Independent Non-Executive Director
Pengarah Bukan Eksekutif Bukan Bebas

Dato' Ir Haji Azmi bin Mat Nor graduated from the University of Strathclyde, Glasgow, Scotland, United Kingdom with a Bachelor of Science Degree in Civil Engineering in 1983 and a Master of Science Degree in Highway Engineering from the same university in 1995.

He was a Resident Engineer for Public Works Department (JKR), Pahang from 1983 to 1984 and Resident Engineer of JKR, Selangor from 1984 to 1986. As the Resident Engineer, he was responsible for supervising the construction of army complex, civil work and air force building. He was promoted to Maintenance Engineer of JKR Selangor in 1986 where he was responsible for the management of maintenance work for the army complex.

In 1987, he was posted to JKR Kuala Lumpur (Road Branch) as a Design Engineer responsible for road design and the management and coordination of consultants work. He was promoted to Acting Senior Assistant Director in 1995. He left in 1997 to join Gamuda Berhad as a Manager, Design and Technical.

Dato' Ir Haji Azmi bin Mat Nor was appointed to the Board of Directors on 3 January 2001. He attended all of the four Board of Directors' Meetings held during the financial year ended 31 March 2004.

He is a director and shareholder of Gamuda Berhad, a major shareholder of the Company. Save for the related party transaction disclosed in the Additional Compliance Information on page 36, he has no conflict of interest with the Company. He maintains a clean record with regard to offences and convictions.

In addition to Gamuda Berhad, his directorships in other public companies are in Kesas Holdings Berhad and Syarikat Pengeluar Air Selangor Holdings Berhad.

Dato' Ir Haji Azmi bin Mat Nor memperolehi Ijazah Sarjana Muda Sains dalam Kejuruteraan Awam dari University of Strathclyde, Glasgow, Scotland, United

Kingdom dalam tahun 1983 dan Ijazah Sarjana Sains dalam Kejuruteraan Lebuh Raya daripada universiti yang sama dalam tahun 1995.

Beliau pernah berkhidmat sebagai Jurutera Residen dengan Jabatan Kerja Raya (JKR), Pahang dari tahun 1983 hingga 1984 dan Jurutera Residen JKR, Selangor dari tahun 1984 hingga tahun 1986 di mana beliau telah bertanggungjawab terhadap penyeliaan pembinaan kompleks tentera, kerja-kerja awam dan bangunan tentera udara. Beliau telah dinaikkan pangkat sebagai Jurutera Penyenggaraan JKR Selangor pada tahun 1986 di mana beliau bertanggungjawab terhadap pengurusan kerja-kerja penyenggaraan kompleks tentera.

Dalam tahun 1987, beliau ditugaskan ke JKR Kuala Lumpur (Cawangan Jalan Raya) sebagai Jurutera Rekabentuk yang bertanggungjawab terhadap rekabentuk jalan raya serta mengurus dan menyelaras kerja-kerja perundingan. Beliau telah dinaikkan pangkat sebagai Pemangku Penolong Pengarah Kanan pada tahun 1995 sebelum beliau berhenti pada tahun 1997 untuk menyertai Gamuda Berhad.

Dato' Ir Haji Azmi bin Mat Nor telah dilantik ke Lembaga Pengarah Syarikat pada 3 Januari 2001. Beliau telah menghadiri keempat-empat Mesyuarat Lembaga Pengarah yang diadakan dalam tahun kewangan berakhir pada 31 Mac 2004.

Beliau adalah seorang pengarah dan pemegang saham Gamuda Berhad yang merupakan pemegang saham utama Syarikat. Selain daripada transaksi dengan pihak berkaitan yang dinyatakan di dalam Maklumat Pematuhan Tambahan di muka surat 36, beliau tidak mempunyai kepentingan yang bercanggah dengan kepentingan Syarikat. Beliau mempunyai rekod yang bersih berhubung kesalahan dan pensabitan.

Selain daripada Gamuda Berhad, jawatan pengarah lain yang beliau sandang dalam syarikat-syarikat awam yang lain adalah Kesas Holdings Berhad dan Syarikat Pengeluar Air Selangor Holdings Berhad.



**Mr Luc Jean Gilles Villette**

56, French/Warganegara Perancis
Independent Non-Executive Director
Pengarah Bukan Eksekutif Bebas

Mr Villette is a Bachelor of Law of the University of Paris and a graduate of the Institute of Political Science of Paris.

He has extensive experience in investments, finance and corporate finance. After 14 years with Banque Paribas, he joined Power Corporation of Canada in 1987 as Chief Financial Officer of their European Affiliates, Parfinance and Pargesa, respectively listed in Paris and Geneva; and from 1994 as President of Power Capital Asia in Hong Kong. He joined the Quebec Pension Fund, CDP Capital in 1998 and has since been based in Hong Kong.

Mr Villette is the Managing Director of Asia Equity Infrastructure Fund L.P., a major shareholder of the Company. He does not hold any share in the Company and has no conflict of interest with the Company.

He maintains a clean record with regard to offences and convictions.

Mr Villette was appointed to the Board of Directors on 17 December 2002. He also serves as a member of the Remuneration Committee. Of the four Board of Directors' Meetings held during the financial year ended 31 March 2004, he attended all except one for which he had extended his apologies.

He sits in the Board of Cemex Asia Holdings Ltd in Singapore, KoRam Bank, listed in Seoul, Korea and Vsource Inc in United States of America.

En Villette berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Undang-Undang University of Paris dan graduan Institute of Political Science, Paris.

Beliau mempunyai pengalaman luas dalam bidang pelaburan, kewangan dan kewangan korporat. Selepas 14 tahun berkhidmat dengan Banque Paribas, beliau menyertai Power Corporation, Kanada pada 1987 sebagai Ketua Pegawai Kewangan Syarikat Gabungan mereka di Eropah, Parfinance dan Pargesa, yang masing-masing disenaraikan di Paris dan Geneva; dan dari tahun 1994 sebagai Presiden Power Capital Asia di Hong Kong.

Beliau menyertai Quebec Pension Fund, CDP Capital pada tahun 1998 dan sejak itu menetap di Hong Kong.

En Villette adalah Pengarah Urusan Asia Equity Infrastructure Fund L.P., pemegang saham utama Syarikat. Beliau tidak memegang sebarang saham dalam Syarikat dan tidak mempunyai konflik kepentingan dengan Syarikat. Beliau mempunyai rekod bersih berhubung kesalahan dan pensabitan.

En Villette telah dilantik ke Lembaga Pengarah pada 17 Disember 2002. Beliau juga merupakan ahli Jawatankuasa Imbuhan. Daripada empat Mesyuarat Lembaga Pengarah yang diadakan dalam tahun kewangan berakhir pada 31 Mac 2004, beliau telah menghadiri kesemuanya kecuali satu yang mana beliau telah memohon maaf di atas ketidakhadiran beliau.

Beliau menganggotai Lembaga Pengarah Cemex Asia Holdings Ltd di Singapura, KoRam Bank yang disenaraikan di Seoul, Korea dan Vsource Inc di Amerika Syarikat.



**Mr Ng Kee Leen**

48, Malaysian/Warganegara Malaysia
Non-Independent Non-Executive Director
Pengarah Bukan Eksekutif Bukan Bebas

Mr Ng Kee Leen has been with Gamuda Berhad since 1977 during which time he held various senior management positions. He has extensive working experience in tender, budget control, finance and implementation of infrastructure projects.

Mr Ng Kee Leen was appointed to the Board of Directors on 1 August 1996. He attended all of the four Board of Directors Meetings held during the financial year ended 31 March 2004.

He is a director and shareholder of Gamuda Berhad, a major shareholder of the Company. Save for the related party transaction disclosed in the Additional Compliance Information on page 36, he has no conflict of interest with the Company. He maintains a clean record with regard to offences and convictions.

In addition to Gamuda Berhad, Mr Ng Kee Leen is also a director of Kesas Holdings Berhad.

En Ng Kee Leen adalah seorang Pengarah Gamuda Berhad sejak tahun 1977 di mana beliau pernah menyandang berbagai jawatan kanan. Beliau mempunyai pengalaman bekerja yang luas dalam tender, kawalan belanjawan, kewangan dan pelaksanaan projek-projek infrastruktur.

En Ng Kee Leen telah dilantik ke Lembaga Pengarah Syarikat pada 1 Ogos 1996. Beliau telah menghadiri keempat-empat Mesyuarat Lembaga Pengarah yang diadakan dalam tahun kewangan berakhir 31 Mac 2004.

Beliau adalah seorang pengarah dan pemegang saham Gamuda Berhad yang merupakan pemegang saham utama Syarikat. Selain daripada transaksi dengan pihak berkaitan yang dinyatakan di dalam Maklumat Pematuhan Tambahan di muka surat 36, beliau tidak mempunyai kepentingan yang bercanggah dengan kepentingan Syarikat. Beliau mempunyai rekod yang bersih berhubung kesalahan dan pensabitan.

Selain daripada Gamuda Berhad, En Ng Kee Leen juga merupakan seorang pengarah Kesas Holdings Berhad.



**Mr Saw Wah Theng**

47, Malaysian/Warganegara Malaysia
Non-Independent Non-Executive Director
Pengarah Bukan Eksekutif Bukan Bebas

Mr Saw Wah Theng was admitted as an Associate of the Institute of Chartered Accountants (England and Wales) in 1985. In 1988, he became a member of the Malaysian Institute of Accountants.

He has extensive experience in accounting, finance and corporate finance. He was attached to an accounting firm in the United Kingdom from 1981 to 1985. In 1987 he joined the Hong Leong Group as an Accountant and was promoted to Group Financial Controller of Hong Leong Industries Berhad in 1992. He left to join Gamuda Berhad as Group Financial Controller in 1994. He was promoted to Finance Director in 1998.

Mr Saw Wah Theng, was appointed to the Board of Directors on 22 May 2001. He also serves as a member of the Audit Committee of the Company. He attended all the four Board of Directors' Meetings held during the financial year ended 31 March 2004.

He is a director of Gamuda Berhad, a major shareholder of the Company. Save for the related party transaction disclosed in the Additional Compliance Information on page 36, he has no conflict of interest with the Company. He maintains a clean record with regard to offences and convictions.

In addition to Gamuda Berhad, his directorships in other public companies are in Kesas Holdings Berhad and Danau Permai Resort Berhad.

En Saw Wah Theng diterima sebagai ahli bersekutu Institute of Chartered Accountants (England and Wales) pada tahun 1985. Pada tahun 1988, beliau menjadi ahli Institut Akauntan Malaysia.

Beliau mempunyai pengalaman yang luas dalam bidang perakaunan, kewangan dan kewangan korporat. Beliau bekerja dengan sebuah firma perakaunan di United Kingdom dari tahun 1981 hingga tahun 1985. Pada tahun 1987, beliau menyertai Kumpulan Hong Leong sebagai seorang Akauntan dan pada tahun 1992 dinaikkan pangkat sebagai Pengawal Kewangan Kumpulan kepada Hong Leong Industries Berhad. Beliau berhenti untuk menyertai Gamuda Berhad sebagai Pengawal Kewangan Kumpulan pada tahun 1994. Beliau dinaikkan pangkat sebagai Pengarah Kewangan pada tahun 1998.

En Saw Wah Theng telah dilantik ke Lembaga Pengarah Syarikat pada 22 Mei 2001. Beliau juga merupakan ahli Jawatankuasa Audit Syarikat. Beliau telah menghadiri keempat-empat Mesyuarat Lembaga Pengarah yang diadakan dalam tahun kewangan berakhir pada 31 Mac 2004.

Beliau adalah seorang pengarah Gamuda Berhad yang juga merupakan pemegang saham utama Syarikat. Selain daripada transaksi dengan pihak berkaitan yang dinyatakan di dalam Maklumat Pematuhan Tambahan di muka surat 36, beliau tidak mempunyai kepentingan yang bercanggah dengan kepentingan Syarikat. Beliau mempunyai rekod yang bersih berhubung kesalahan dan pensabitan.

Selain daripada Gamuda Berhad, jawatan pengarah lain yang beliau sandang dalam syarikat-syarikat awam yang lain adalah Kesas Holdings Berhad dan Danau Permai Resort Berhad.



**Mr Lean Chee Yeow**

35, Malaysian/Warganegara Malaysia
Alternate Director to/Pengarah Pengganti kepada
Mr Luc Jean Gilles Villette

Mr Lean Chee Yeow graduated from City University, London with a Bachelor of Science (Honours) in Economics and Accounting.

He was previously an investment banker with Standard Chartered Merchant Banker (Singapore) and Commerce International Merchant Bankers (Malaysia), before specializing in infrastructure equity research at HSBC James Capel (Malaysia). Thereafter he progressed to private equity investment with John Laing Investment (Hong Kong) responsible for coverage of Southeast Asia. In 1999, he joined Delta Associates (Thailand) Limited, an investment adviser to Asia Equity Infrastructure Fund L.P. until 2002. He has been an adviser to Asia Equity Infrastructure Fund L.P. since then.

He does not have any conflict of interest with the Company and maintains a clean record with respect to offences and convictions.

En Lean Chee Yeow berkelulusan Sarjana Muda Sains (Kepujian) dalam Ekonomi dan Perakaunan dari City University, London.

Beliau adalah seorang jurubank pelaburan yang berkhidmat dengan Standard Chartered Merchant Bankers (Singapore) dan Commerce International Merchant Bankers (Malaysia) sebelum beliau mengkhusus dalam penyelidikan ekuiti infrastruktur di HSBC James Capel (Malaysia). Selepas itu beliau menceburi pelaburan ekuiti swasta dengan John Laing Investment (Hong Kong) yang bertanggungjawab di rantau Asia Tenggara. Pada tahun 1999, beliau menyertai Delta Associates (Thailand) Limited, penasihat pelaburan kepada Asia Equity Infrastructure Fund L.P. sehingga 2002. Sejak itu, beliau adalah seorang penasihat kepada Asia Equity Infrastructure Fund L.P.

Beliau tidak mempunyai sebarang konflik kepentingan dengan Syarikat dan mempunyai rekod bersih daripada sebarang kesalahan undang-undang dan sabitan.

## Management Team
Kumpulan Pengurusan



(Seated from left / Duduk dari kiri)

**Mr Richard Lim Kim Ong**
Chief Operating Officer
Ketua Pegawai Operasi

**Pn Norhashima binti Dato' Mohamed Hassan**
Head of Department, Human Resource & Administration
Ketua Jabatan, Sumber Manusia & Pentadbiran

**En Sazally bin Saidi**
General Manager, Operations
Pengurus Besar, Operasi

**En Nor Azman bin Ishak**
Head of Department, Traffic Safety
Ketua Jabatan, Keselamatan Trafik

**Ms Voong Nyok Yee**
Head of Department, Corporate & Finance
Ketua Jabatan, Korporat & Kewangan

(Standing from left / Berdiri dari kiri)

**Mr Yau Ti Sin**
Head of Department, Highway Maintenance
Ketua Jabatan, Penyelenggaraan Lebuh Raya

**Mr Chuah Lean Pin**
Head of Department, Information Technology
Ketua Jabatan, Teknologi Maklumat

**Mr Francisco Anthony Doss**
Head of Department, Engineering
Ketua Jabatan, Kejuruteraan

**Ungku Zaki bin Ungku Hamzah**
Head of Department, Facilities Maintenance
Ketua Jabatan, Penyelenggaran Kemudahan

**En Mohd Fuad bin Kamal Ariffin**
Head of Department, Toll Operations
Ketua Jabatan, Operasi Tol

**En Zuhri Iskandar bin Kamarzaman**
Head of Department, Communication
Ketua Jabatan, Komunikasi

**Mr Francis Oon Kam Lam**
(Not in picture / Tiada dalam gambar)
Head of Department, Concession & Contracts
Ketua Jabatan, Konsesi & Kontrak

# Financial Highlights
## Maklumat Penting Kewangan

| Financial Year Ended 31 March<br>Tahun Kewangan Berakhir 31 Mac | 2004<br>RM Million<br>RM Juta | 2003<br>RM Million<br>RM Juta |
|---|---|---|
| Revenue / Hasil | 212.1 | 185.1 |
| Profit Before Tax / Keuntungan Sebelum Cukai | 121.3 | 80.0 |
| Taxation / Cukai | (32.3) | (27.8) |
| Net Profit for the Year / Keuntungan Bersih bagi Tahun | 89.0 | 52.2 |
| Basic Earnings Per Share (sen) / Pendapatan Sesaham Asas (sen) | 18.46 | 10.94 |
| Total Assets Employed / Jumlah Aset Digunakan | 2,096.9 | 1,967.8 |
| Total Liabilities / Jumlah Tanggungan | 1,270.4 | 1,202.8 |
| Shareholders' Fund / Dana Pemegang Saham | 826.5 | 765.0 |
| Net Tangible Assets Per Share (RM) / Aset Ketara Bersih Sesaham (RM) | 1.71 | 1.59 |
| Issued and Fully Paid-up Capital / Modal Diterbit dan Dibayar Penuh | 482.9 | 481.1 |
| Market Capitalisation / Pemodalan Pasaran | 1,328.0 | 1,024.7 |

**Revenue**
**Hasil**
RM Million / RM Juta




**Profit Before Tax**
**Keuntungan Sebelum Cukai**
RM Million / RM Juta




**Basic Earnings Per Share**
**Pendapatan Sesaham Asas**
Sen



| 2002<br>RM Million<br>RM Juta | 2001<br>RM Million<br>RM Juta | 2000<br>RM Million<br>RM Juta |
|---|---|---|
| 155.2 | 137.2 | 111.9 |
| 72.3 | 46.9 | 22.4 |
| (19.7) | (11.9) | (8.7) |
| 52.6 | 35.0 | 13.7 |
| 11.61 | 7.74 | 3.03 |
| 1,845.9 | 1,852.9 | 1,902.5 |
| 1,178.1 | 1,223.4 | 1,279.7 |
| 667.8 | 629.5 | 622.8 |
| 1.47 | 1.39 | 1.38 |
| 453.7 | 452.4 | 451.8 |
| 1,361.1 | 1,144.6 | 1,608.3 |

**Total Assets Employed**
**Jumlah Aset Digunakan**
RM Million / RM Juta




**Shareholders' Fund**
**Dana Pemegang Saham**
RM Million / RM Juta




**Net Tangible Assets Per Share**
**Aset Ketara Bersih Sesaham**
RM



# Chairman's Statement
## Penyata Pengerusi



**TAN SRI DATO' IR (DR) WAN ABDUL RAHMAN BIN HAJI WAN YAACOB**
Chairman / Pengerusi

On behalf of the Board of Directors, it gives me great pleasure to once again present the Annual Report and Financial Statements of the Company and the Group for the financial year ended 31 March 2004.

Bagi pihak Lembaga Pengarah, saya dengan sukacitanya membentangkan sekali lagi Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Syarikat dan Kumpulan bagi tahun kewangan berakhir 31 Mac 2004.

### Financial Review

Malaysia witnessed a bullish growth rate of 5.2% for the year 2003 which was definitely a marked improvement against the growth rate of 4.2% in 2002. In an environment of global economic uncertainty, the growth in the Malaysian economy was attributable to strong domestic demand and supported by a modest growth in external demand.

The first quarter of 2004 saw economic expansion strengthened further with growth in real GDP rising at the pace of 7.6%. The robust economic activity, driven mainly by the private sector, reflected sustained strong growth in household consumption and an increase in momentum in private sector activity.

Against this backdrop, the popularity of the Lebuh Raya Damansara-Puchong (LDP) continues unabated, we are able to share in the nation's success by recording yet another milestone in revenue collected. For the financial year ended 31 March 2004, revenue for the Group achieved a new high of RM212 million. This represents an impressive 15% growth in revenue compared to the previous year. It is appropriate at this juncture to highlight

### Tinjauan Kewangan

Malaysia menyaksikan kadar pertumbuhan yang memberangsangkan sebanyak 5.2% bagi tahun 2003, yang merupakan suatu peningkatan yang ketara berbanding dengan kadar pertumbuhan sebanyak 4.2% pada tahun 2002. Dalam keadaan ekonomi global yang tidak menentu, pertumbuhan ekonomi negara adalah hasil daripada permintaan dalam negeri yang kukuh dan disokong oleh pertumbuhan permintaan luar negeri yang sederhana.

Suku tahunan pertama 2004 menyaksikan pengembangan ekonomi diperkukuhkan lagi dengan pertumbuhan dalam peningkatan nyata Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) pada kadar 7.6%. Aktiviti rancak ekonomi, dengan dorongan sektor swasta terutamanya, mencerminkan pertumbuhan kukuh dalam penggunaan isi rumah dan peningkatan dalam momentum aktiviti sektor swasta.

Dengan latar belakang ini, Lebuh Raya Damansara-Puchong (LDP) terus popular di kalangan pengguna dan kami turut berkongsi kejayaan negara dengan mencatat tahap yang lebih tinggi lagi dalam kutipan hasil. Bagi tahun kewangan berakhir 31 Mac 2004, hasil bagi Kumpulan mencapai paras tinggi terbaru sebanyak RM212 juta. Ini merupakan peningkatan hasil yang mengkagumkan sebanyak 15% berbanding tahun sebelumnya. Wajar juga disebutkan di sini bahawa

that the growth in revenue was to some extent the result of the rockfall that took place at the Bukit Lanjan stretch of the New Klang Valley Expressway. The rockfall which occurred on 26 November 2003 resulted in that stretch of road being closed for a period of six months, opening only on 2 June 2004.

In tandem with record revenue, the Group also reported a new high for profit before tax of RM121 million. This represents an extremely healthy growth of profit before tax of 51% compared to the figure of RM80 million recorded in the previous year. However, to put matters on a comparable perspective, it must be pointed out that out of the profit before tax of RM121 million, RM20 million was profit before tax earned as a result of the sale of shares held in quoted investments by the Group. Hence, if we were to exclude the RM20 million from the profit before tax of RM121 million, the growth in profit before tax from tolling operations would be reduced to 26%.

Other highlights include:

- The increase in Daily Toll Traffic by 11% from 363,000 to 404,000 vehicles;
- The increase in Profit After Tax by 71% from RM52 million to RM89 million; and
- The increase in Earning Per Share by 70% from 10.9 sen to 18.5 sen.

## Operations

The major capacity enhancement programme which we embarked on in the previous financial year involving the upgrading of 2 existing interchanges at Puchong Jaya and Kampung Bharu Puchong and the construction of 4 new interchanges at Kelana Jaya, PJS 7/PJS 9 Bandar Sunway, IOI Puchong and Taman Puchong Industry is progressing ahead of schedule with completion of all



The substantially completed Kelana Jaya Interchange

peningkatan hasil ini sedikit sebanyak adalah disebabkan kejadian tanah runtuh di laluan Bukit Lanjan di Lebuh Raya Baru Lembah Kelang. Tanah runtuh tersebut yang berlaku pada 26 November 2003 menyebabkan laluan berkenaan ditutup selama enam bulan dan hanya dibuka kepada trafik pada 2 Jun 2004.

Sejajar dengan peningkatan hasil tersebut, Kumpulan juga melaporkan keuntungan sebelum cukai yang paling tinggi sehingga kini sebanyak RM121 juta. Ini merupakan suatu peningkatan keuntungan sebelum cukai yang amat memberangsangkan sebanyak 51% berbanding dengan RM80 juta yang dicatatkan pada tahun sebelumnya. Bagaimanapun, perlu dijelaskan di sini bahawa daripada RM121 juta keuntungan sebelum cukai ini, RM20 juta adalah keuntungan sebelum cukai yang diperolehi daripada jualan saham yang dipegang oleh Kumpulan dalam pelaburan sebut harga. Oleh itu, sekiranya kami tidak mengambil kira RM20 juta daripada keuntungan sebelum cukai sebanyak RM121 juta tersebut, peningkatan keuntungan sebelum cukai daripada operasi tol akan berkurangan kepada 26%.

Pencapaian-pencapaian penting yang lain termasuklah:

- Peningkatan dalam Trafik Tol Harian sebanyak 11% daripada 363,000 kepada 404,000 kenderaan;
- Peningkatan dalam Keuntungan Selepas Cukai sebanyak 71% daripada RM52 juta kepada RM89 juta; dan
- Peningkatan dalam Pendapatan Sesaham sebanyak 70% daripada 10.9 sen kepada 18.5 sen.

## Operasi

Program utama peningkatan kapasiti yang kami laksanakan pada tahun kewangan sebelumnya untuk menaik taraf 2 persimpangan bertingkat sedia ada di Puchong Jaya dan Kampung Bharu Puchong dan membina 4 persimpangan bertingkat baru di Kelana Jaya,



Our friendly toll tellers



The frontliners

works by this calendar year end except for the Kampung Bharu Puchong Interchange which will be ready in the first quarter of 2005.

Disruptions to traffic flow as a result of construction works and traffic diversions have been kept to the minimum. This has been made possible as a result of close cooperation from the turnkey contractor, local authorities, resident associations and the road users as well. The Company continues to hold regular dialogues with the local authorities on the progress of the works being carried out and will also continue to keep the public informed of any new developments via the media.

The daily traffic on the LDP continues to increase along our ever popular alignment as new developments along the northern and southern corridors continue to take shape at a frantic pace. This together with the totally unexpected closure of the Bukit Lanjan stretch of the New Klang Valley Expressway have contributed to areas of congestion along the LDP especially during the morning and evening peak hours.

Apart from the implementation of the major capacity enhancement programme mentioned above, the Management has also implemented various minor enhancements and improvements to help serve our valued customers better. During peak hours we have maximized the number of toll collection points at our toll plazas, especially at Penchala and Petaling Jaya, to ensure maximum throughput at the toll plazas.

PJS 7/PJS 9 Bandar Sunway, IOI Puchong dan Taman Puchong Industry, kini berjalan lebih awal daripada masa yang dijadualkan dengan semua kerja selesai menjelang akhir tahun ini, kecuali bagi Persimpangan Bertingkat Kampung Bharu Puchong yang akan siap pada suku tahunan pertama 2005.

Gangguan kepada aliran trafik akibat kerja-kerja pembinaan dan pelencongan trafik telah dapat dikekalkan kepada tahap yang minimum. Ini dapat dilakukan dengan adanya kerjasama rapat daripada kontraktor 'Turnkey', pihak berkuasa tempatan, persatuan penduduk dan juga pengguna jalan raya. Syarikat juga sentiasa mengadakan dialog dengan pihak berkuasa tempatan mengenai kemajuan kerja-kerja yang dijalankan dan juga memberitahu orang ramai mengenai perkembangan terbaru melalui media.

Trafik harian di LDP terus meningkat di sepanjang jajaran popular kami dengan pembangunan baru pesat dilaksanakan di sepanjang koridor utara dan selatan. Ini bersama-sama dengan penutupan mengejut laluan Bukit Lanjan di Lebuh Raya Baru Lembah Kelang telah menyebabkan kesesakan di sepanjang LDP terutamanya pada waktu puncak di sebelah pagi dan petang.

Selain daripada pelaksanaan program utama peningkatan kapasiti yang disebutkan di atas, pihak Pengurusan juga melaksanakan pelbagai peningkatan dan pembaikan kecil untuk memberi perkhidmatan yang lebih baik kepada para pelanggan ternilai kami. Pada waktu puncak, kami membuka kesemua lorong tol di plaza tol kami terutamanya di Penchala dan Petaling Jaya untuk memastikan operasi kutipan adalah maksimum di plaza-plaza tol ini.




The common ETC System implemented

The localized road widening scheme at "Selera Kelana", just beside Matsushita Industrial Corporation Sdn Bhd, has been completed and we can now see better traffic flow in that vicinity. Likewise the completion of the mainline widening at the stretch from Kampung Chempaka to Taman Megah Interchange on the northbound direction has also been successful in alleviating traffic congestion.

The successful traffic channellization activities that were introduced in the past have been further expanded this year to include the southbound approach to Puchong Jaya Interchange and the southbound direction between Bandar Utama Interchange and TTDI Interchange.

Following a directive issued by the Government to introduce a common electronic toll collection (ETC) system, the first Touch 'n Go (TnG) lanes, one each per bound at each toll plaza, became operational on 1 August 2003. A further 8 TnG lanes, one each per bound at each toll plaza, were installed and commenced operations on 19 April 2004. At the present moment, the Management is currently in the process of installing the SmartTAG system, a non-stop drive through ETC system which is targeted to be operational in July 2004. Once the SmartTAG system commences operations, the FASTRAK ETC system that is currently being used at LDP and Sprint Highway will, as directed by the Government, be disabled. The fullest support and cooperation will be given to ensure the success of TnG and SmartTAG and we shall be working towards encouraging the greater usage of the ETC System as it allows for better throughput compared to manual cash collection system. I would like to take this opportunity of thanking our FASTRAK users for their support over the years and would like to extend our apologies for any inconvenience caused as a result of the cessation of the FASTRAK ETC system. However, with the implementation of TnG and the SmartTAG ETC system, we now have a payment system, apart from cash payment, that can be used on all the toll roads throughout Malaysia.

Skim pembesaran jalan raya setempat di "Selera Kelana", berhampiran Matsushita Industrial Corporation Sdn Bhd, telah siap dilaksanakan dan kini kita dapat melihat aliran trafik yang lebih lancar di kawasan berkenaan. Pembesaran laluan utama ke arah utara dari Kampung Chempaka ke Persimpangan Bertingkat Taman Megah juga telah berjaya mengurangkan kesesakan trafik.

Aktiviti penyaluran trafik, yang menampakkan kejayaan di masa lepas, telah diperluaskan tahun ini untuk meliputi jalan masuk menuju selatan ke Persimpangan Bertingkat Puchong Jaya dan arah selatan antara Persimpangan Bertingkat Bandar Utama dan Persimpangan Bertingkat TTDI.

Ekoran arahan Kerajaan bagi suatu sistem pungutan tol elektronik (ETC) yang sama, laluan-laluan pertama Touch 'n Go (TnG), satu setiap arah di setiap plaza tol, beroperasi pada 1 Ogos 2003. 8 lagi laluan TnG, satu setiap arah di setiap plaza tol, telah dipasang dan mula beroperasi pada 19 April 2004. Buat masa ini, pihak Pengurusan sedang memasang sistem SmartTAG, suatu sistem ETC tanpa berhenti yang dijadualkan beroperasi pada bulan Julai 2004. Apabila sistem SmartTAG ini beroperasi, sistem FASTRAK ETC yang digunakan sekarang di LDP dan Lebuh Raya Sprint akan diberhentikan sepertimana yang diarahkan oleh Kerajaan. Sokongan dan kerjasama sepenuhnya akan diberikan untuk memastikan kejayaan TnG dan SmartTAG dan kami akan berusaha mengalakkan penggunaan meluas Sistem ETC kerana ia membolehkan operasi pungutan tol yang lebih cekap berbanding dengan sistem manual pungutan tunai. Saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih kepada para pengguna FASTRAK di atas sokongan mereka selama ini dan ingin memohon maaf di atas sebarang kesulitan yang dihadapi dengan tamatnya penggunaan sistem ETC FASTRAK. Bagaimanapun, dengan pelaksanaan sistem ETC TnG dan SmartTAG, kami kini mempunyai suatu sistem pembayaran, selain daripada bayaran tunai yang boleh digunakan di semua jalan tol di seluruh Malaysia.

Sungguhpun mengurangkan kesesakan dan meningkatkan kapasiti terus menjadi keutamaan pihak Pengurusan, kami juga tidak mengabaikan aspek-aspek lain pengurusan jalan tol untuk terus berusaha memastikan kepuasan total pelanggan. Dengan kerjasama pihak berkuasa tempatan dan persatuan penduduk, kami telah membuat sedikit pembaikan dari segi kebersihan lebuh raya, landskap, penyelenggaraan, papan tanda dan perkhidmatan rondaan kami. Pihak Pengurusan akan terus memastikan bahawa konsep pembaikan berterusan akan benar-benar kekal menjadi amalan kerja.



Road Safety & Preventing Crime with Neighbours Campaign

Balik Kampung Road Safety Campaign



Even though relieving congestion and capacity enhancements remain the top priorities for Management, we have also not neglected other aspects of toll road management to ensure the continuous pursuit of total customer satisfaction. Working in conjunction with local authorities and residents' associations, we have made minor improvements in the cleanliness of the highways, landscaping, maintenance, signages and in our patrolling service. The Management will continue to ensure that the concept of continuous improvement remains an ingrained working practice.

## Public Relations and Community Support

Being an intra-urban highway, the Group is well aware that it must remain fully committed towards the well being of society and the environment in general in order to uphold its corporate image as a caring and responsible corporate citizen. Each year, countless programmes and activities are planned to maintain and improve upon the exemplary relationships between the Group and the various selected private and public organizations.

Road safety continues to be the prime message that the Group wants to put across to the public and we have once again participated in the annual "Balik Kampung" Road Safety Campaign in conjunction with Petaling Jaya Traffic Police, Petaling District Road Safety Council and Hong Leong Yamaha Distributors Sdn Bhd. At the same time the Group, together with Petaling Jaya Traffic Police, also launched the "Road Safety & Preventing Crime With Neighbours Campaign" aimed at instilling safety awareness in order to avoid any untoward incidents in the respective neighbourhoods while residents were away during the festive holidays.

The young in our community were also targeted. Together with Petaling Jaya Traffic Police, the Road Safety Campaign was extended to Sekolah Kebangsaan Sg. Penchala where students were taught the values and importance of road safety.

## Perhubungan Awam dan Sokongan Masyarakat

Sebagai sebuah lebuh raya dalam bandar, Kumpulan sememangnya sedar bahawa ia mesti terus komited sepenuhnya ke arah kesejahteraan masyarakat dan alam sekitar amnya untuk menegakkan imej korporatnya sebagai warga korporat yang prihatin dan bertanggungjawab. Setiap tahun, banyak program dan aktiviti dirancangkan untuk mengekalkan dan memperbaiki hubungan yang layak diteladani antara Kumpulan dan pelbagai pertubuhan swasta dan awam.

Keselamatan jalan raya terus menjadi mesej utama yang ingin disampaikan oleh Kumpulan kepada orang awam dan kami telah sekali lagi turut serta dalam Kempen Keselamatan Jalan Raya Balik Kampung tahunan bersama dengan Polis Trafik Petaling Jaya, Majlis Keselamatan Jalan Raya Daerah Petaling dan Hong Leong Yamaha Distributors Sdn Bhd. Pada masa yang sama Kumpulan, bersama-sama Polis Trafik Petaling Jaya, juga telah melancarkan "Kempen Keselamatan Jalan Raya & Pencegahan Jenayah Bersama Jiran" yang bertujuan memupuk kesedaran keselamatan bagi mengelakkan perkara yang tidak diingini berlaku di kawasan tempat tinggal masing-masing semasa penduduk balik ke kampung pada musim cuti perayaan.

Anak-anak muda juga menjadi sasaran. Dengan kerjasama Polis Trafik Petaling Jaya, Kempen Keselamatan Jalan Raya telah diperluaskan ke Sekolah Kebangsaan Sg. Penchala di mana murid-murid diajar mengenai nilai dan pentingnya keselamatan jalan raya.

Para pemimpin masyarakat tempatan terus memberi sokongan terhadap acara social kami yang bertujuan meriangkan mereka yang kurang bernasib baik pada musim perayaan. Kanak-kanak dari Pertubuhan Rumah Amal Cahaya Tengku Ampuan Rahimah telah dijemput khas ke rumah terbuka Hari Raya Aidilfitri Kumpulan. Bagi program Tahun Baru Cina yang dianjurkan bersama dengan McDonald's, kami turut seronok bersama dengan para tetamu istimewa kami – kanak-kanak dan warga emas masing-masing dari House of Joy dan Persatuan Penganut Agama Buddha Subang Jaya.

Chinese New Year Celebration with children from House of Joy



Hari Raya Aidilfitri Celebration with children from Pertubuhan Rumah Amal Cahaya Tengku Ampuan Rahimah





Litrak Scholarship Award

The local community leaders have continued to be very supportive in gracing our social events aimed at bringing some joy and happiness to the less fortunate during the festive periods. Children from Pertubuhan Rumah Amal Cahaya Tengku Ampuan Rahimah were specially invited to an eventful day at the Group's Hari Raya Aidilfitri open house. For the Chinese New Year programme that was done together with McDonald's, we had a great time with our special guests – the children and senior citizens from the House of Joy and Subang Jaya Buddhist Association respectively.

Four deserving students were given scholarships during the year to continue with their tertiary education and we continue to monitor the progress of all our scholars. We also ensure that proper guidance and training are provided to the scholars who join us for their industrial training.

We shall continue to play our part towards the betterment of society.

**Human Resource**

The Group recognizes that we are in the service industry and, as such, a highly trained and motivated human resource is of utmost importance to ensure sustained business growth and success. In order to achieve total customer satisfaction, we need to utilize our people effectively and to draw upon their expertise and ingenuity to meet the Group's business objectives.

Empat pelajar yang layak telah diberi biasiswa pada tahun kewangan untuk melanjutkan pelajaran mereka ke peringkat yang lebih tinggi dan kami terus memantau kemajuan semua pemegang biasiswa kami. Kami juga memastikan bahawa bimbingan dan latihan sewajarnya diberikan kepada para pemegang biasiswa kami yang menjalani latihan perindustrian dengan kami.

Kami akan terus memainkan peranan kami ke arah kebaikan masyarakat.

**Sumber Manusia**

Kumpulan menyedari bahawa kami berada dalam industri perkhidmatan dan, oleh itu, sumber manusia yang amat terlatih dan bermotivasi adalah penting untuk memastikan pertumbuhan perniagaan dan kejayaan yang berkekalan. Untuk mencapai kepuasan total pelanggan, kami perlu menggunakan para pekerja kami secara berkesan dan menggunakan kepakaran dan kebijaksanaan mereka untuk mencapai matlamat-matlamat perniagaan Kumpulan.

Oleh itu, usaha berterusan kami untuk meningkatkan prestasi para pekerja kami ke arah kecemerlangan dan kepuasan total pelanggan kekal menjadi inisiatif utama bagi pembangunan dan latihan sumber manusia. Suatu program latihan yang menyeluruh telah digubal untuk semua kakitangan dengan penekanan khusus kepada mereka yang berurusan setiap hari dengan para pelanggan kami. Kursus-kursus, yang dijalankan di dalam dan di luar syarikat, merangkumi pembangunan kerjaya, program peningkatan diri serta program yang reka khas untuk menepati keperluan operasi.



Training of patrolmen by the Royal Malaysian Police College



Staff outing in Port Dickson

As such, our continuous quest to increase employees' performance towards excellence and total customer satisfaction remains the key initiative for human resource development and training. A comprehensive training programme is drawn up for all staff members with particular emphasis given to the frontliners who have contact with our customers on a daily basis. The courses, conducted both in-house and externally, range from career development, self-enhancement programmes as well as tailor-made operationally related programmes.

To foster team spirit, maintain a harmonious working environment, and to instill a sense of ownership, activities are carried out throughout the year. For the first time-ever, we conducted a highly successful groupwide gotong royong at our head office and this was followed by other sessions at our rented staff quarters. Port Dickson was the location selected for this year's well participated staff outing and the regular dialogue sessions between management and staff continue to be a feature in the Group's effort to obtain feedback in order to improve on staff welfare and also to keep staff informed of latest developments in the Group. In July 2003, the Group launched its first in-house bulletin with new issues to be published on a quarterly basis. This has created an excellent avenue for the dissemination of information in an interesting format to all our staff who are located at all the various toll plaza locations.

In order to take better care of our toll tellers and to increase efficiency, a dedicated staff quarters for our toll tellers is currently being constructed in the vicinity of the Petaling Jaya Northbound Rest Area.

Untuk memupuk semangat pasukan, mengekalkan persekitaran kerja yang harmoni dan menyemai sikap pemilikan, berbagai aktiviti telah dijalankan sepanjang tahun. Buat pertama kalinya, kami telah menganjurkan projek gotong royong membabitkan seluruh kakitangan Kumpulan dengan jayanya di ibu pejabat kami dan ini diikuti pula dengan sesi-sesi lain di tempat tinggal sewa kakitangan kami. Port Dickson telah dipilih sebagai tempat rekreasi tahun ini yang disertai oleh ramai kakitangan dan sesi dialog yang kerap diadakan antara pihak Pengurusan dan kakitangan terus menjadi kelaziman dalam usaha Kumpulan untuk mendapat maklum balas dalam usaha memperbaiki kebajikan kakitangan dan juga untuk memaklum kakitangan mengenai perkembangan terbaru dalam Kumpulan. Pada bulan Julai 2003, Kumpulan melancarkan buletin dalaman pertamanya yang diterbitkan setiap suku tahun. Ini telah mewujudkan suatu saluran terbaik bagi pengagihan maklumat dalam format yang menarik kepada semua kakitangan yang bertempat di lain-lain plaza tol.

Untuk kemudahan para jurutol kami dan untuk meningkatkan kecekapan mereka, rumah kediaman kakitangan sedang dibina untuk mereka sekitar Kawasan Rehat Arah Utara Petaling Jaya.

**Perkembangan Korporat**

Pada Mesyuarat Agung Luar Biasa yang diadakan pada 21 Ogos 2003, para Pemegang Saham Syarikat telah meluluskan Skim Opsyen Saham Kakitangan yang baru bagi menggantikan skim sebelumnya yang tamat tempohnya pada 25 September 2003.

## Corporate Developments

At an Extraordinary General Meeting held on 21 August 2003, the shareholders of the Company approved the new Employees' Share Option Scheme in order to replace the previous scheme which expired on 25 September 2003.

On 27 February 2004, the Company made an announcement that its wholly owned subsidiary, Lingkaran Trans Kota Sdn Bhd, proposed to issue a total of RM174 million worth of Fixed Rate Serial Bonds to finance the upgrading of two existing interchanges and construction of four new interchanges along the LDP inclusive of land acquisition costs and estimated incidental expenses in connection with the proposed Fixed Rate Serial Bonds Issue. Subsequently on 15 March 2004, the first series of the Fixed Rate Serial Bonds with a total value of RM50 million were issued and drawndown.

## Investment in Sistem Penyuraian Trafik KL Barat Holdings Sdn Bhd (SPRINT)

The temporary closure of the Bukit Lanjan stretch of the New Klang Valley Expressway from November 2003 caused considerable inconvenience to road users. In order to help alleviate the traffic congestions as a result of the road closure, SPRINT together with the turnkey contractor for Penchala Link accelerated the work schedule by working round the clock even during the festive periods to ensure early completion of Penchala Link.



The state-of-the-art twin-bored Penchala tunnel

Pada 27 Februari 2004, Syarikat telah membuat suatu pengumuman bahawa anak syarikat milik penuhnya, Lingkaran Trans Kota Sdn Bhd, mencadangkan untuk menerbitkan Bon Bersiri Kadar Tetap bernilai RM174 juta untuk membiayai peningkatan taraf dua persimpangan bertingkat sedia ada dan pembinaan empat persimpangan bertingkat baru di sepanjang LDP, termasuk kos pengambilan tanah dan perbelanjaan berkaitan teranggar dengan terbitan Bon Bersiri Kadar Tetap yang dicadangkan itu. Seterusnya pada 15 Mac 2004, siri pertama Bon Bersiri Kadar Tetap dengan jumlah nilai RM50 juta telah diterbitkan dan dikeluarkan.

## Pelaburan dalam Sistem Penyuraian Trafik KL Barat Holdings Sdn Bhd (SPRINT)

Penutupan sementara laluan Bukit Lanjan di Lebuh Raya Baru Lembah Kelang bermula pada bulan November 2003 telah menyebabkan banyak kesulitan kepada para pengguna jalan raya. Untuk mengurangkan kesesakan trafik akibat penutupan tersebut, SPRINT bersama-sama kontraktor 'Turnkey' bagi Hubungan Penchala telah mempercepatkan jadual kerja dengan bekerja siang malam termasuk musim perayaan untuk memastikan Hubungan Penchala disiapkan lebih awal daripada jadual.

Dengan sokongan penuh dan bimbingan Lembaga Lebuhraya Malaysia dan Kementerian Kerja Raya, Hubungan Penchala telah dibuka dengan rasminya oleh Menteri Kerja Raya, Yang Berhormat Datuk Seri S. Samy



Official opening of the Penchala Link by the Minister of Works




With the full support and guidance from the Malaysian Highway Authority and the Ministry of Works, Penchala Link was officially opened by the honourable Minister of Works, Datuk Seri S. Samy Vellu, on 16 February 2004 which was 6 months ahead of the original scheduled completion date. The Government allowed a toll free period of 2 weeks but this was later extended by Sprint until 22 March 2004 in order to allow the public more time to familiarize themselves with Penchala Link. This was necessary as the Penchala Link is a completely new alignment and we also wanted as many people as possible to experience this beautiful highway which was designed with minimum disruption to the surrounding environment.

The Penchala Link provides an excellent alternative to Kuala Lumpur city centre compared to the heavily used Jalan Damansara and while the traffic volumes remain below our expectations, the volumes should increase as the public becomes increasingly aware of the benefits of using the Penchala Link. Furthermore, the rapid commercial and residential developments that are taking place from Bandar Utama to Bandar Sri Damansara will surely contribute tremendously to the traffic on Penchala Link.

With all three links of Sprint Highway now complete, focus will continue to be given on traffic enhancement programmes to encourage users to use Sprint Highway instead of the highly congested toll free roads. This is necessary, as overall, the traffic volumes on Sprint Highway are still below projection.

Vellu, pada 16 Februari 2004, iaitu 6 bulan lebih awal daripada tarikh siap yang dijadualkan. Kerajaan telah membenarkan tempoh bebas tol selama 2 minggu tetapi ini telah dilanjutkan oleh Sprint sehingga 22 Mac 2004 untuk memberi masa yang lebih bagi membolehkan orang ramai membiasakan diri dengan Hubungan Penchala. Ini adalah perlu kerana Hubungan Penchala merupakan suatu jajaran baru dan kami juga mahu seberapa ramai orang yang mungkin menggunakan lebuh raya yang cantik ini dan yang direka bentuk dengan gangguan minimum kepada alam sekitar sekelilingnya.

Hubungan Penchala memberi laluan alternatif terbaik ke pusat bandaraya Kuala Lumpur berbanding dengan Jalan Damansara yang sibuk. Sementara jumlah trafiknya masih rendah daripada jangkaan kami, ianya sepatutnya meningkat apabila orang ramai semakin sedar tentang faedah menggunakan Hubungan Penchala. Tambahan pula, pembangunan pesat komersial dan perumahan dari Bandar Utama hingga ke Bandar Sri Damansara akan pasti menyumbang jumlah trafik yang besar kepada Hubungan Penchala.

Dengan kesemua jalan penghubung Lebuh Raya Sprint kini siap dibina, tumpuan akan terus diberikan kepada program peningkatan trafik untuk menggalakkan para pengguna menggunakan Lebuh Raya Sprint daripada jalan-jalan bebas tol yang begitu sesak sekali. Ini adalah perlu, kerana secara keseluruhannya, jumlah trafik di Lebuh Raya Sprint adalah masih di bawah ramalan.

Training and guidance provided to one of the scholars during industrial training





Mont Kiara Interchange

## Future Prospects

The growth in GDP for the first quarter of 2004 of 7.6% is certainly a very encouraging factor towards having an optimistic outlook for the Malaysian economy for the coming year. The Government's forecast for 2004 is a growth of between 6.0% to 6.5% which is a significant improvement from the growth of 5.2% achieved in 2003.

With this positive outlook coupled with the coming completion of the major capacity enhancement programme, we can be fairly confident that tollable traffic on LDP will continue to increase in line with the strong domestic economic growth. The increase in traffic will be seen at all toll plazas and we shall see new traffic patterns emerging once the major capacity enhancement programme is completed. The Management is monitoring the situation very closely and will take the necessary steps required to reduce the creation of new bottlenecks.

The Group, I believe, has from the date of tolling in 1999 proven itself to be very capable of operating and maintaining a tolled highway. We shall continue to focus on this core competency and carry on to seek any new opportunities where our competency can be fully utilized.

## Dividend

The Board of Directors has declared an interim dividend of 4% less income tax which was paid to

## Prospek Masa Depan

Pertumbuhan dalam KDNK bagi suku tahunan pertama 2004 sebanyak 7.6% sudah tentu merupakan suatu faktor yang amat menggalakkan untuk memberi gambaran optimistik mengenai ekonomi Malaysia pada tahun akan datang. Ramalan Kerajaan bagi tahun 2004 ialah pertumbuhan antara 6.0% dan 6.5%, yang mana merupakan suatu peningkatan yang nyata berbanding dengan pertumbuhan 5.2% yang dicapai pada tahun 2003.

Dengan gambaran positif ini berserta dengan siapnya program utama peningkatan kapasiti, kami yakin bahawa trafik yang bertol di LDP akan terus meningkat sejajar dengan pertumbuhan ekonomi dalam negeri yang kukuh. Peningkatan dalam trafik akan dapat dilihat di semua plaza tol dan kami akan melihat pola baru trafik muncul sebaik sahaja program utama peningkatan kapasiti siap dilaksanakan. Pihak Pengurusan sedang memantau rapi keadaan dan akan mengambil langkah yang perlu untuk menggurangkan kewujudan kesendatan baru trafik.

Sejak mula memungut tol pada tahun 1999, Kumpulan, saya percaya, telah membuktikan dirinya berupaya mengendalikan dan menyelenggarakan lebuh raya tol. Kami akan terus memberi tumpuan kepada kecekapan teras ini dan meneruskan usaha untuk mencari sebarang peluang baru di mana kecekapan kami ini dapat dimanfaatkan sepenuhnya.

## Dividen

Lembaga Pengarah telah mengisytiharkan dividen interim sebanyak 4% ditolak cukai pendapatan yang telah

shareholders on 30 March 2004 and is now recommending a final dividend of 5% less income tax which is subject to shareholders' approval at the forthcoming Annual General Meeting of the Company. This would represent a total dividend of 9% less income tax for the financial year. In the previous financial year, the Company paid a similar total dividend of 9% less income tax.

dibayar kepada para pemegang saham pada 30 Mac 2004 dan kini mengesyorkan dividen akhir sebanyak 5% ditolak cukai pendapatan yang mana adalah tertakluk kepada kelulusan para pemegang saham pada Mesyuarat Agung Tahunan Syarikat yang akan datang. Ini akan memberi dividen berjumlah 9% ditolak cukai pendapatan bagi tahun kewangan tersebut. Dalam tahun kewangan sebelumnya, Syarikat telah membayar jumlah dividen yang sama sebanyak 9% ditolak cukai pendapatan.


The Penchala Link, an excellent alternative to Kuala Lumpur city centre

## Acknowledgement and Appreciation

On behalf of the Board of Directors, I would like to express our deepest appreciation to the Management and staff of the Group for their commitment and dedication in the performance of their duties during the year.

I would like to also take this opportunity of extending my heartfelt thanks to our valued customers, relevant government agencies, bankers, shareholders and business associates for their cooperation, confidence and continued support for our Group. We hope that we can strengthen these relationships in the coming future.

**TAN SRI DATO' IR (DR) WAN ABDUL RAHMAN BIN HAJI WAN YAACOB**
Chairman

## Penghargaan

Bagi pihak Lembaga Pengarah, saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan saya kepada pihak Pengurusan dan kakitangan Kumpulan di atas komitmen dan dedikasi mereka dalam menjalankan tugas mereka sepanjang tahun tersebut.

Saya juga ingin mengambil peluang ini untuk mengucapkan ribuan terima kasih kepada para pelanggan ternilai kami, agensi kerajaan yang berkaitan, bank, pemegang saham dan rakan perniagaan di atas kerjasama, keyakinan dan sokongan berterusan mereka kepada Kumpulan kami. Kami berharap bahawa kami akan dapat memperkukuhkan lagi hubungan ini di masa akan datang.

**TAN SRI DATO' IR (DR) WAN ABDUL RAHMAN BIN HAJI WAN YAACOB**
Pengerusi

The Board supports the Government's calling to maintain good corporate governance to build local and foreign investors' confidence in Malaysian companies and the economy as a whole. It is committed to ensuring the principles and best practices of the Malaysian Code on Corporate Governance (the "Code") is practiced throughout the Group to safeguard the interest of all stakeholders and in enhancing shareholders' value.

The Board is pleased to report to the Company's shareholders on the application and compliance with the principles and best practices set out in the Code.

## BOARD OF DIRECTORS

### The Board

The Board has overall responsibility for the strategic direction of the Group. It plays a primary role in the conduct and control of the Group's affairs.

### Board Balance

The Board comprises nine members who have a wide range of experience and expertise in areas of engineering, finance, commercial affairs, corporate affairs, Government's requirements and operations. It is led by an independent non-executive Chairman, Tan Sri Dato' Ir (Dr) Wan Abdul Rahman bin Haji Wan Yaacob, with three other independent non-executive Directors, one non-independent executive Director and four non-independent non-executive Directors.

The profiles of the Directors are presented on page 3 to 10 of the Annual Report.

The Board believes that with their different background and specialization, all matters tabled to the Board for consideration are well reviewed and deliberated. Moreover, the Independent Directors participated actively in the Board's discussions and review of the strategic proposals and thereby bringing objective and independent judgement to the decision making process of the Board and help to ensure that the interests of the shareholders and stakeholders of the Company are safeguarded.

More than one-third of the Board comprises independent non-executive Directors. The Board is of the opinion that the current Board composition with four independent non-executive directors is sufficient to fairly reflect the investments of the minority shareholders.

The roles of the Chairman and the Executive Director are distinct and separate. The Chairman provides the overall leaderships in deliberation and decision making at Board Meetings without limiting the collective responsibility of the Board. In addition to ensuring the Board is effective in discharging its duties and responsibilities, the Chairman also avails himself to provide clarification on issues raised by shareholders and investors at the Company's

Lembaga Pengarah menyokong seruan Kerajaan untuk mengekalkan tadbir urus korporat yang baik bagi membina keyakinan para pelabur tempatan dan asing terhadap syarikat-syarikat Malaysia dan ekonomi negara keseluruhan. Lembaga Pengarah komited dalam memastikan supaya prinsip dan amalan terbaik yang digariskan oleh Kod Malaysia berhubung Tadbir Urus Korporat ("Kod") diamalkan di seluruh Kumpulan bagi melindungi kepentingan semua pemegang kepentingan dan mempertingkatkan nilai para pemegang saham.

Lembaga Pengarah dengan sukacitanya melaporkan kepada para pemegang saham Syarikat berhubung pelaksanaan dan pematuhan dengan prinsip dan amalan terbaik seperti yang dinyatakan dalam Kod.

## LEMBAGA PENGARAH

### Lembaga Pengarah

Lembaga Pengarah secara keseluruhannya bertanggungjawab terhadap hala tuju strategik Kumpulan. Ia memainkan peranan utama dalam menjalankan dan mengawal hal ehwal Kumpulan.

### Keseimbangan Lembaga Pengarah

Lembaga Pengarah terdiri daripada sembilan orang ahli yang mempunyai pengalaman dan kepakaran yang luas dalam bidang kejuruteraan, kewangan, hal ehwal perdagangan, hal ehwal korporat, keperluan Kerajaan dan operasi. Ia diterajui oleh seorang Pengerusi bukan eksekutif bebas iaitu Tan Sri Dato' Ir (Dr) Wan Abdul Rahman bin Haji Wan Yaacob bersama-sama tiga orang Pengarah bukan eksekutif bebas lain, seorang Pengarah eksekutif bukan bebas dan empat orang Pengarah bukan eksekutif bukan bebas.

Profil para Pengarah tersebut dibentangkan di muka surat 3 hingga 10 dalam Laporan Tahunan ini.

Lembaga Pengarah percaya dengan latar belakang dan pengkhususan mereka yang berbeza, semua hal yang dikemukakan untuk dipertimbangkan oleh Lembaga Pengarah akan dikaji dan diperbincangkan dengan baik. Di samping itu, para Pengarah Bebas mengambil bahagian secara aktif dalam perbincangan dan kajian Lembaga Pengarah berhubung cadangan-cadangan strategik yang seterusnya membawa pertimbangan yang objektif dan bebas kepada proses membuat keputusan Lembaga Pengarah dan membantu memastikan kepentingan para pemegang saham dan pemegang kepentingan Syarikat sentiasa dilindungi.

Lebih satu pertiga daripada Lembaga Pengarah terdiri daripada para Pengarah bukan eksekutif bebas. Lembaga Pengarah berpendapat bahawa komposisi Lembaga Pengarah semasa dengan empat orang pengarah bukan eksekutif bebas adalah mencukupi untuk menggambarkan dengan saksama pelaburan para pemegang saham minoriti.

Peranan Pengerusi dan Pengarah Eksekutif adalah jelas dan berbeza. Pengerusi memberi kepimpinan menyeluruh dalam perbincangan dan proses membuat keputusan semasa Mesyuarat Lembaga Pengarah tanpa

general meetings. The Executive Director, Ir Haji Yusoff bin Daud, oversees the management and day to day operations of the Group in line with the policies and procedures adopted by the Board.

Tan Sri Dato' Nasruddin bin Bahari being the Senior Independent Non-Executive Director, is the channel for conveyance of matters of concern regarding the Company and the Group to the Board.

**Board Meeting and Supply of Information to the Board**

The Board met four times during the financial year to review the Group's quarterly financial results, management reports on the progress of business operations and to deliberate on matters specifically reserved to it for decision. The Board is fully involved and responsible for reviewing management's proposals on strategic business plans, action plans, financial performance and allocation of resources and standards of services. The minutes of various Board Committees and resolutions of the various subsidiaries are also tabled to the Board for their information.

The attendance of the Directors at Board Meetings during the financial year ended 31 March 2004 are as shown below.

The agendas for the Board Meetings together with the detailed management reports and proposition papers and supporting documents to be tabled at the meetings are circulated in advance to all Directors for their perusal and consideration to make well-informed decisions. Senior management staff as well as advisers were invited to attend Board Meetings to enlighten the Board on matters tabled to the Board and if required, to advise and provide clarification on matters of concern raised by the Board.

Every member of the Board have access to all information within the Group whether as a full Board or in their individual capacity. The Directors have direct access and service of the Company Secretary and senior management staff. Where necessary, they have the liberty

menghadkan tanggungjawab kolektif Lembaga Pengarah. Selain daripada memastikan Lembaga Pengarah menjalankan tugas dan tanggungjawabnya dengan berkesan, Pengerusi turut bersedia untuk memberi penjelasan berhubung isu-isu yang dibangkitkan oleh para pemegang saham dan pelabur di mesyuarat agung Syarikat. Ir Haji Yusoff bin Daud yang memegang jawatan Pengarah Eksekutif, mengawal selia pengurusan dan operasi harian Kumpulan, selaras dengan dasar dan prosedur yang diterima pakai oleh Lembaga Pengarah.

Tan Sri Dato' Nasruddin bin Bahari sebagai Pengarah Bukan Eksekutif Bebas yang senior merupakan saluran untuk menyampaikan hal-hal berkaitan dengan Syarikat dan Kumpulan kepada Lembaga Pengarah.

**Mesyuarat Lembaga Pengarah dan Bekalan Maklumat kepada Lembaga Pengarah**

Lembaga Pengarah bermesyuarat empat kali pada tahun kewangan ini untuk mengkaji keputusan kewangan suku tahunan Kumpulan, laporan pengurusan berhubung kemajuan operasi perniagaan dan membincangkan hal-hal yang khusus untuk diputuskan oleh Lembaga Pengarah. Lembaga Pengarah terlibat dan bertanggungjawab sepenuhnya dalam mengkaji cadangan pengurusan berhubung pelan perniagaan strategik, pelan tindakan, prestasi kewangan dan peruntukan sumber dan piawaian perkhidmatan. Minit mesyuarat berbagai Jawatankuasa Lembaga dan resolusi syarikat-syarikat subsidiari turut dibentangkan kepada Lembaga Pengarah untuk maklumat mereka.

Kehadiran para Pengarah di Mesyuarat Lembaga Pengarah pada tahun kewangan berakhir 31 Mac 2004 adalah seperti dibentangkan di bawah:-

Agenda Mesyuarat Lembaga Pengarah bersama-sama dengan laporan pengurusan terperinci dan kertas-kertas usul serta dokumen-dokumen sokongan yang akan dibentangkan di mesyuarat, diedarkan sebelum mesyuarat diadakan kepada semua Pengarah untuk penelitian dan pertimbangan mereka bagi membolehkan keputusan termaklum dibuat. Kakitangan pengurusan kanan serta para penasihat dijemput menghadiri Mesyuarat Lembaga Pengarah untuk memberi penerangan kepada Lembaga

| Board of Directors<br>Lembaga Pengarah | No. of Meetings Attended<br>Bil. Mesyuarat Yang Dihadiri |
|---|---|
| Tan Sri Dato' Ir (Dr) Wan Abdul Rahman bin Haji Wan Yaacob | 4/4 |
| Ir Haji Yusoff bin Daud | 4/4 |
| Dato' Lin Yun Ling | 2/4 |
| Tan Sri Dato' Nasruddin bin Bahari | 4/4 |
| Dato' Ir Chew Swee Hock | 3/4 |
| Dato' Ir Haji Azmi bin Mat Nor | 4/4 |
| Mr Luc Jean Gilles Villette | 3/4 |
| Mr Ng Kee Leen | 4/4 |
| Mr Saw Wah Theng | 4/4 |
| Mr Lean Chee Yeow (Alternate Director to / Pengarah Pengganti kepada Mr Luc Jean Gilles Villette) | 4/4 |

to seek professional opinion and advice at the Company's expense to enable them to discharge their duties.

**Directors' Training**
A copy of Directors' Manual is given to all Directors to guide them in discharging their duties and responsibilities. The manual highlights amongst others, the major duties and responsibilities of Directors, terms of reference of Board Committees, policies and procedures of the Group, principles and best practice of corporate governance, statutory and regulatory requirements. The Directors are updated by the Company Secretary from time to time on new statutory and regulatory requirements relating to the duties and responsibilities of the Directors.

All the Directors have completed the Mandatory Accreditation Programme and are currently attending the various training programmes accredited by Bursa Malaysia Securities Berhad (BMSB) in compliance with BMSB's Listing Requirements on the Continuing Education Programme implemented in June 2003.

The Directors are encouraged to attend seminars, training programmes and conferences in areas concerning Directors' duties and responsibilities, corporate governance and also to keep abreast with developments in the market place.

**Re-election of Directors**
In accordance with the Company's Articles of Association, at least one-third of the Directors longest in office shall retire from office at every Annual General Meeting but shall be eligible for re-election. Each Director shall retire at least once every three years. Any Director appointed by the Board during the year to fill a casual vacancy or as an addition shall hold office only until the next Annual General Meeting but shall be eligible for re-election.

**Remuneration Committee and Directors' Remuneration**
The Remuneration Committee comprises exclusively of non-executive Directors, majority of whom are independent. Its composition is as follows:-

1. Tan Sri Dato' Ir (Dr) Wan Abdul Rahman bin Haji Wan Yaacob
   (Chairman)
   Independent Non-Executive Director
2. Dato' Lin Yun Ling
   Non-Independent Non-Executive Director
3. Mr Luc Jean Gilles Villette
   Independent Non-Executive Director

The Remuneration Committee is primarily responsible in setting up the policy framework and to make recommendation to the Board on all elements of remuneration, terms of employment, reward structure and fringe benefit for the Executive Director and senior management staff with the aim to attract, retain and

Pengarah berhubung hal-hal yang dibentangkan kepada Lembaga Pengarah dan jika perlu, memberi nasihat dan menyediakan penjelasan berhubung hal-hal berkaitan yang dibangkitkan oleh Lembaga Pengarah.

Setiap ahli Lembaga Pengarah mempunyai akses kepada semua maklumat dalam Kumpulan sama ada sebagai Lembaga Pengarah penuh atau dalam kapasiti individu mereka. Para Pengarah mempunyai akses dan perkhidmatan langsung Setiausaha Syarikat dan kakitangan pengurusan kanan. Jika perlu, mereka boleh mendapatkan pandangan dan nasihat profesional dengan kos ditanggung oleh Syarikat bagi membolehkan mereka menjalankan tugas.

**Latihan Para Pengarah**
Sesalinan Manual Para Pengarah diberikan kepada semua Pengarah untuk memberi panduan kepada mereka melaksanakan tugas dan tanggungjawab. Manual tersebut menyatakan antara lain, tugas-tugas dan tanggungjawab utama para Pengarah, terma rujukan Jawatankuasa Lembaga, dasar dan prosedur Kumpulan, prinsip dan amalan terbaik tadbir urus korporat, keperluan berkanun dan perundangan. Keperluan berkanun dan perundangan baru berkaitan tugas dan tanggungjawab para Pengarah dikemaskini oleh Setiausaha Syarikat dari semasa ke semasa.

Semua Pengarah telah menamatkan Program Akreditasi Mandatori dan kini sedang menghadiri pelbagai program latihan yang diakreditasi oleh Bursa Malaysia Securities Berhad (BMSB), mematuhi Keperluan Penyenaraian BMSB berhubung Program Pendidikan Berterusan yang mula dilaksanakan pada bulan Jun 2003.

Para Pengarah digalakkan menghadiri seminar, program latihan dan persidangan dalam bidang-bidang yang berkaitan dengan tugas dan tanggungjawab Pengarah, tadbir urus korporat dan juga untuk mengikuti perkembangan mutakhir pasaran.

**Pemilihan Semula Para Pengarah**
Menurut Artikel Pertubuhan Syarikat, sekurang-kurangnya satu pertiga daripada para Pengarah yang paling lama memegang jawatan hendaklah bersara pada setiap Mesyuarat Agung Tahunan tetapi hendaklah layak untuk pemilihan semula. Setiap Pengarah hendaklah bersara sekurang-kurangnya tiga tahun sekali. Mana-mana Pengarah yang dilantik oleh Lembaga Pengarah pada tahun tersebut untuk mengisi kekosongan biasa atau tambahan hanya akan memegang jawatan sehingga Mesyuarat Agung Tahunan yang berikutan tetapi layak untuk pemilihan semula.

**Jawatankuasa Imbuhan dan Imbuhan Para Pengarah**
